

# Kawal produk makanan sunah

» *Khasiat perlu disah sebelum dijual elak cemar integriti Nabi Muhammad*

Oleh Norakmah Mat Youb  
norakmah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**roduk berasaskan makanan sunah dalam bentuk suplemen perlu dikawal dan disahkan khasiatnya secara saintifik sebelum dijual kepada orang ramai.

Pengarah Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, berkata ia bagi mengelakkan produk itu disalah guna, sekali gus memberi implikasi kepada pengguna dan mencemarkan integriti Nabi Muhammad SAW.

Katanya, kebanyakan produk nutraseutikal (makanan tambahan) tidak memerlukan ujian dan keizinan khas daripada badan mengawal pelesenan dan penjual, sebelum dipasarkan kepada orang ramai berbanding produk farmaseutikal.

## Dakwaan tiada bukti

"Produk nutraseutikal kebanyakan dikategorikan makanan. Justeru, sesiapa boleh mendakwa pelbagai khasiat tanpa menyertakan bukti.



Dr Muhammad Mustaqim (tiga dari kiri) bersama ahli panel lain ketika membentangkan kertas kerja pada Persidangan Meja Bulat **Paradigma Pemakanan Menurut Sunah dan Sains** anjuran IKIM di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO CHE RANI CHE DIN/BH]

"Kajian saintifik terhadap bahan dalam pemakanan sunah perlu dilakukan secara teliti bagi mengelakkan percanggahan antara sains dan agama yang boleh memberi implikasi terhadap sunah Nabi," katanya selepas persidangan meja bulat 'Paradigma Pemakanan Menurut Sunah dan Sains', di sini, semalam.

Beliau berkata, penyelidikan itu juga mampu menyingkap kelebihan khasiat pemakanan sunah yang masih belum diterokai lagi yang bermanfaat untuk kesihatan.

Kini banyak produk bera-

saskan makanan sunah dalam bentuk suplemen yang dijual di pasaran tanpa dibukti dan disahkan kesahihan khasiatnya secara saintifik.

Sehubungan itu, Muhammad Mustaqim berkata, USIM kini melancarkan program penyelidikan berskala besar mengenai pemakanan sunah menerusi skim penyelidikan yang dibiayai Kementerian Pendidikan.

## Tak bercanggah sains

"Program itu dilaksanakan selama lima tahun mulai tahun ini, membabitkan 48 saintis

dan penyelidik seperti pengajian Islam, Sains Perubatan dan Klinikal," katanya.

Sementara itu, Pegawai Dietetik Hospital Kuala Lumpur, Norasimah Kassim berkata, amalan pemakanan yang sebenar mengikut al-Quran dan sunah tidak bercanggah dengan saranan pemakanan sihat mengikut sains moden.

"Mengikut kajian, makanan sunah berfungsi sebagai makanan bernutrien tinggi dan bukannya hanya mengambil makanan tertentu tanpa makanan seimbang yang lain," katanya.